

30/06/1999

Ekonomi pulih tanpa `pil penawar' IMF

Azman Abdul Hamid

"IMF (Tabung Mata Wang Antarabangsa) kata, kita mesti naikan kadar faedah. Bagi naik dulu (faedah). Lepas tu dia kata, nak periksa. Kemudian dia suruh kita buka (ekonomi). Mana boleh."

Begitulah kata-kata Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, dalam ucapan kali pertamanya di Perhimpunan Agung Umno, 20 Jun lalu, ketika menghuraikan sebab-sebab negara enggan meminta bantuan IMF bagi menamatkan krisis kewangan.

Kata-katanya itu disambut dengan gelak tawa perwakilan, tetapi penuh dengan mesej yang cuba disampaikan oleh beliau iaitu Malaysia perlu berhati-hati supaya negara tidak dikuasai orang asing yang menggembur-gemburkan kelebihan globalisasi.

Jadi, Daim membuat kesimpulan terbaik mengenai pengajaran utama berhubung langkah kerajaan menyelamatkan ekonomi sendiri menerusi kawalan mata wang sekalipun orang asing hebat mempromosi globalisasi dagangan.

Beliau tidak menolak globalisasi tetapi menyifatkan pendekatan IMF menaikkan kadar faedah memberi peluang kepada orang asing merampas hak warga tempatan berkongsi faedah ekonomi negara ini.

Itu bermakna, orang asing mentadbir syarikat dan industri utama tempatan jika firma gergasi luar dibenarkan beroperasi dan berjual beli tanpa had di sini.

Misalnya, keadaan di Indonesia dan Korea Selatan serta negara Amerika Latin yang dilanda masalah ekonomi dan menelan pil penawar IMF.

Rusuhan meletus di Indonesia hingga menggulingkan Presiden Suharto, tahun lalu, manakala keputusan pilihan raya yang diadakan dikatakan tidak membawa kepada pembentukan kerajaan majoriti.

Di Korea Selatan, pekerja melancarkan mogok kerana sebahagian tenaga kerja diberhentikan manakala inflasi meningkat.

Di dua negara Asia itu, orang asing menerusi syarat bantuan IMF menentukan hal ehwal ekonomi. Hasilnya, kebanyakan syarikat tempatan sama ada dimiliki atau ditadbir orang asing.

Mesej Daim, seperti juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ialah siapa yang akan menyelamatkan diri jika tidak orang itu sendiri. Atas kesedaran ini, Danaharta dan Danamodal dibentuk, disusuli Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan menstruktur semula syarikat tempatan bermasalah selain menurunkan kadar faedah.

Ketika ini, ekonomi Malaysia sudah pulih, dilihat menerusi peningkatan nilai indeks Bursa Saham Kuala Lumpur yang mencecah angka 800 ketika Bank Negara mengumumkan pertumbuhan ekonomi positif baru-baru ini.

Sebab itu, kata Daim, IMF di Malaysia bermakna I am fine; di Indonesia, I am foolish dan di Korea, I am finished. Apa tidaknya, Presiden Suharto meletakkan jawatan, menyusuli Kim Young-sam dan Chavalit Yongchaiyudh.

Seperti kata Dr Mahathir, orang Eropah tidak senang melihat bekas jajahannya aman makmur. Beliau menggunakan pepatah - `Harimau tidak mungkin hilang belangnya' bagi mengingatkan rakyat supaya tidak mudah terpengaruh dengan pandangan orang luar.

Sebelum krisis kewangan melanda, pertumbuhan ekonomi Malaysia secara puratanya adalah 7.5 hingga 8.6 peratus, yang terpanjang di dunia, menjadikan negara ini antara pusat dagangan dan pelaburan utama serantau serta antarabangsa.

Prestasi itu hanya ditandingi China dan Thailand. Selain itu, pertumbuhan tinggi itu dibantu kadar inflasi rendah iaitu 3.4 peratus,

selain mata wang stabil. Lebih baik lagi, ia dicapai tanpa gangguan sosial dalam bentuk ketegangan atau rusuhan kerana semua kaum boleh bersaing mengejar pekerjaan menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Sehubungan itu, rakyat Malaysia wajar lega kerana kerajaan berjaya membuktikan program pemulihan semula ekonomi berdasarkan pendekatan sendiri.

Ini bermakna, konsep tradisi IMF memulihkan krisis ekonomi tidak semestinya wajib ditelan bulat-bulat. Malahan, pakar ekonomi Amerika Syarikat, Paul Krugman, menyetujui dasar kawalan mata wang Malaysia.

Sekali gus, Malaysia boleh berbangga sebagai satu-satunya negara yang tidak menelan pil penawar ekonomi IMF itu yang hanya bergantung harap kepada kenaikan kadar faedah semata-mata, tanpa mengambil kira faktor lain untuk menyelamatkan ekonomi sesebuah negara.

Daim bersuara lantang pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno bagi menolak fitnah dan dakwaan pembangkang, termasuk bekas Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengenai kegiatannya menyalah guna wang dan aset negara sebagai antara faktor ekonomi Malaysia bermasalah.

Perlu diingat, Daim hanya bergiat sebagai penyelesaian masalah ekonomi Malaysia. Kali pertama ialah pada 1985 dan 1986 apabila negara merasai kesan kemelesetan ekonomi negara maju di Amerika Utara dan Eropah.

Kali kedua ialah tahun lalu apabila masalah ekonomi semakin teruk apabila Anwar melaksanakan pendekatan virtual IMF selepas Thailand dilanda krisis kewangan kerana kejatuhan nilai mata wangnya, baht. Kemudian Indonesia pula terjebak dalam masalah ekonomi.

Berikutan tanda ekonomi pulih, isu kronisme dan nepotisme kini tenggelam.

Lebih-lebih lagi apabila Umno menyiarkan senarai syarikat dan individu yang mendapat kontrak daripada kerajaan, didapati turut membabitkan pengkritik kerajaan Barisan Nasional (BN).

Selain itu, bukan Krugman saja menganggap kawalan tukaran mata wang oleh Malaysia sebagai tindakan bijak. Mungkin pandangan Profesor Madya Chan Teng Heng dari Fakulti Kajian Perniagaan, Universiti Teknologi Nanyang (NTU), boleh menjelaskan sebab mengapa Malaysia beruntung pulih ekonomi menerusi pelan sendiri.

Dalam suratnya kepada akhbar Straits Times Singapura, Chan berkata, beliau mahu memberi pandangan berbeza daripada hujah rakannya, Linda Lim, pengarah Program Perniagaan Asia Tenggara, Fakulti Perniagaan, Universiti Michigan, dalam sidang jawatankuasa kecil Kongres Amerika, 16 Jun lalu.

Dalam kertas kerjanya, Lim menggambarkan kawalan tukaran mata wang tidak perlu, tidak mencukupi dan melambatkan pemulihan ekonomi Malaysia.

"Walaupun saya bukan penyokong Dr Mahathir, ramai rakan sekerja saya setuju bahawa jika Malaysia menerima bantuan IMF, lebih banyak kekayaan peribadi Malaysia musnah sebelum ekonominya pulih semula," katanya.

Menurutnya, adalah bodoh untuk meminta bantuan IMF jika di sekeliling kita melihat banyak syarikat negara jiran yang dibantu agensi itu, gulung tikar satu persatu.

"Barat mungkin tidak menyukainya kerana langkah memperkenalkan kawalan tukaran mata wang adalah satu penghinaan terhadap teori dan pendekatan Barat memulihkan ekonomi.

"Cuma, ada banyak jalan menyelesaikan masalah dan Malaysia memilih jalan berbeza daripada cara IMF," kata Chan.

Sehubungan itu, beliau percaya, ekonomi Asia perlu berubah menerusi 'rumusan sendiri' jika didapati langkah pembetulan Barat tidak sesuai.

Jadi, katanya, dasar kawalan tukaran mata wang ada baiknya sebagai mekanisme pertahanan untuk terus hidup.

(END)